

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

KELANTAN UTILITIES MUBAARAKAN HOLDINGS SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUMHSB) ialah sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer dan milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan modal berbayar berjumlah RM50 juta. Aktiviti utama KUMHSB adalah untuk menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal dan melaksanakan peranan sebagai pemegang pelaburan subsidiari serta rakan strategik Kerajaan Negeri Kelantan bagi pelaburan industri teknologi hijau.
- Penilaian terhadap aktiviti utama KUMHSB bagi tahun 2020 hingga 2022 meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan aktiviti pula melibatkan dua aktiviti KUMHSB iaitu pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dan projek usaha sama solar.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam bagi tahun 2020 hingga 2022.
- Analisis kedudukan kewangan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; serta tunai dan kesetaraan tunai syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai tahap pencapaian objektif penubuhan KUMHSB yang menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal dan menjalankan peranan sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri untuk pelaburan teknologi hijau di negeri Kelantan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan KUMHSB belum dicapai sepenuhnya. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - pencapaian KPI KUMHSB bagi tahun 2021 dan 2022 adalah kurang memuaskan iaitu 77.8% dan 83.3%, manakala KPI tahun 2020 tidak disediakan;
 - hanya tiga tapak pelupusan yang diuruskan oleh KUMHSB berbanding sembilan jumlah keseluruhan tapak pelupusan yang perlu diuruskan kerana enam lagi tapak pelupusan masih belum diserahkan oleh PBT; dan
 - KUMHSB telah melaksanakan peranannya sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam pelaburan teknologi hijau dengan menarik pelabur bagi membangunkan Projek Solar Terapung di negeri Kelantan. Bagaimanapun, kelewatan dalam Fasa Pemasangan/Pembinaan Projek Solar Terapung telah memberi kesan kepada pendapatan KUMHSB.
- Kedudukan kewangan KUMHSB dalam tempoh yang dinilai adalah stabil dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM184,544 dan keuntungan terkumpul berjumlah RM609,505 pada akhir tahun 2022.
- Amalan tadbir urus korporat KUMHSB adalah pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, kesemua Lembaga Pengarah berstatus tidak bebas; Setiausaha Syarikat tidak menjalankan peranan dalam menasihati Lembaga Pengarah; KPI bagi tahun 2020 tidak disediakan serta KPI tahun 2021 dan 2022 tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah; Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam tidak ditubuhkan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memastikan pelaksanaan dan pencapaian KPI dibentang serta dipantau oleh Lembaga Pengarah;
 - memastikan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan dan SOP berkaitan dipatuhi sepenuhnya;
 - menyegerakan proses untuk memuktamadkan perjanjian usaha sama Projek Solar Terapung dan perjanjian CSR bagi menjaga kepentingan syarikat;
 - memastikan polisi dalaman berkaitan CSR disediakan dan dilaksanakan supaya perbelanjaan dibuat selaras dengan sumbangan yang diterima bagi tujuan tanggungjawab sosial korporat; dan
 - meningkatkan tadbir urus syarikat berkaitan dengan aspek peranan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam serta pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik dan KPI selaras dengan Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan amalan terbaik.

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

3. KELANTAN UTILITIES MUBAARAKAN HOLDINGS SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

29.11.2007	RM50 juta	RM609,505
Tarikh ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965	Modal berbayar	Keuntungan terkumpul bagi tahun 2022
Objektif penubuhan	<ul style="list-style-type: none">Merancang, mengurus, melaksana dan menyediakan utiliti awam dan aktiviti lain termasuk yang berkaitan dengan bekalan air, sistem rawatan air dan perkhidmatan kumbahan.Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan utiliti awam dan aktiviti lain.Melaksanakan sebarang perniagaan lain yang boleh meningkatkan nilai atau menguntungkan syarikat.	
Aktiviti utama	Menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal dan melaksanakan peranan sebagai pemegang pelaburan subsidiari serta rakan strategik Kerajaan Negeri Kelantan bagi pelaburan industri teknologi hijau.	
Jenis syarikat	Syarikat Berhad Menurut Syer	

1. LATAR BELAKANG


1.1. Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUMHSB) adalah sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer dan milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). KUMHSB ditubuhkan pada 29 November 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar semasa berjumlah RM50 juta. Objektif penubuhan KUMHSB berdasarkan Perlembagaan Syarikat adalah untuk:

- merancang, mengurus, melaksana dan menyediakan utiliti awam dan aktiviti lain termasuk yang berkaitan dengan bekalan air, sistem rawatan air dan perkhidmatan kumbahan;
- menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan utiliti awam dan aktiviti lain; dan
- melaksanakan sebarang perniagaan lain yang boleh meningkatkan nilai atau menguntungkan syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

1.2. KUMHSB telah melaksanakan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal di negeri Kelantan selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) kali ke-9/2015 pada 13 Mei 2015 yang melantik KUMHSB sebagai agensi pelaksana Kerajaan Negeri.

KUMHSB juga telah dilantik oleh Kerajaan Negeri melalui keputusan MMK kali ke-9/2019 pada 8 Mei 2019 sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri Kelantan bagi pelaburan dalam industri teknologi hijau di negeri Kelantan. Bagi tujuan ini, salah satu usaha KUMHSB adalah untuk mewujudkan usaha sama dengan syarikat pelabur dalam pembangunan projek solar. Selain itu, KUMHSB turut berperanan untuk memantau operasi dan menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat subsidiari serta bersekutu. Secara amnya, model perniagaan KUMHSB adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
MODEL PERNIAGAAN KUMHSB




Sumber: Jabatan Audit Negara dan KUMHSB

1.3. Hasil utama KUMHSB ialah pendapatan yang diperoleh daripada dividen syarikat subsidiari dan yuran pengurusan bagi tapak pelupusan sisa pepejal. Sehingga kini, terdapat tiga tapak pelupusan sisa pepejal yang diuruskan oleh KUMHSB secara usaha sama yang terletak di Bachok, Tumpat dan Tanah Merah. Selain itu, KUMHSB juga akan menerima hasil daripada Projek Solar Terapung Danau Tok Uban di Pasir Mas apabila projek siap dan mula beroperasi. Hasil yang diperoleh tersebut dibelanjakan bagi pengurusan aktiviti KUMHSB.

1.4. Maklumat aktiviti utama yang sedang dilaksanakan oleh KUMHSB adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
AKTIVITI UTAMA YANG DILAKUKAN OLEH KUMHSB



Sumber: KUMHSB

1.5. Lembaga Pengarah KUMHSB terdiri daripada enam ahli berstatus pengarah bukan bebas. Pengurusan KUMHSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 11 kakitangan. Pengurus Besar yang terdahulu dilantik secara kontrak pada 1 Julai 2020 hingga 14 Januari 2021. Jawatan Pengurus Besar kemudiannya tidak diisi selama 13 bulan dan diisi semula pada 1 Mac 2022. KUMHSB mempunyai tiga unit iaitu Jabatan Kewangan Korporat; Jabatan Pembangunan Korporat; dan Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran. Struktur organisasi KUMHSB setakat 30 Mei 2023 adalah seperti dalam **Carta 2** dan peranan setiap unit adalah seperti dalam **Jadual 1**.

CARTA 2
STRUKTUR ORGANISASI KUMHSB PADA 30 MEI 2023



Sumber: KUMHSB

JADUAL 1
PERANAN SETIAP UNIT KUMHSB

NAMA UNIT	PERANAN
Jabatan Kewangan Korporat	<ul style="list-style-type: none"> Bertanggungjawab dalam urusan perakaunan dan kewangan syarikat. Menyedia, merancang, mengawal dan mengurus belanjawan tahunan. Mengurus pembayaran pembelian perolehan, bekalan dan perkhidmatan mengikut prosedur yang ditetapkan. Memastikan penerimaan bayaran dibuat dan direkod dengan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan. Menjalankan tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan dari semasa ke semasa.
Jabatan Pembangunan Korporat	<ul style="list-style-type: none"> Mengesan dan memantau prestasi strategi dan pelan tindakan dengan tujuan untuk mencapai keputusan yang disasarkan pada setiap bulan dan suku tahunan Kumpulan KUMHSB. Mendapatkan maklum balas mengenai kemajuan pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) korporat dari semasa ke semasa Kumpulan KUMHSB. Menyediakan dan menyemak laporan bajet yang diluluskan ahli Lembaga Pengarah (ALP), laporan operasi dan pencapaian KPI Kumpulan KUMHSB serta laporan lain yang perlu sebelum dihantar kepada Pengurus Besar untuk pengesahan. Mendapatkan maklumat berkaitan peluang pelaburan. Menyediakan kertas cadangan pelaburan. Menguruskan permohonan pelaburan dan dokumen perjanjian. Mengemas kini rekod dan laporan pelaburan.
Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> Mengendali aspek pengurusan pentadbiran pejabat. Menguruskan hal ehwal kakitangan berhubung perjawatan, pentadbiran dan perkhidmatan. Memastikan aset dan inventori direkodkan mengikut polisi yang ditetapkan. Memproses permohonan pembelian perolehan dan perkhidmatan mengikut prosedur yang ditetapkan. Memfailkan dokumen perolehan.

Sumber: KUMHSB

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan KUMHSB melalui pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dan projek solar terapung yang dilaksanakan secara usaha sama dengan cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dan projek solar terapung yang dilaksanakan secara usaha sama oleh KUMHSB dalam tahun 2020 hingga 2023.

3.2. Dua bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan aktiviti ialah prestasi dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai dari aspek pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan aktiviti pula melibatkan dua aktiviti utama iaitu pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dan pengurusan projek solar. Pengauditan ini juga melibatkan lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit; dan Audit Dalam bagi tahun 2020 hingga 2022. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat KUMHSB yang terletak di Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Kota Bharu. Pengauditan turut dijalankan di Bachok, Tumpat, Tanah Merah dan Pasir Mas.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan KUMHSB serta menganalisis data berkaitan. Lawatan fizikal Audit terhadap tapak pelupusan sisa pepejal dan projek solar telah dijalankan pada bulan Mac dan Mei 2023 untuk melihat keadaan persekitaran dan status semasa projek.

4.2. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan KUMHSB tahun 2020, 2021 dan 2022 yang telah diaudit oleh Tetuan Adib Azhar & Co. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; dan analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada KUMHSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 30 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output KUMHSB dinilai melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Prestasi Kewangan, bilangan tapak pelupusan sisa pepejal yang diuruskan dan pulangan atas pelaburan syarikat subsidiari.

5.1.1.1. Petunjuk Prestasi Utama

- a. Mulai tahun 2021, syarikat telah menyediakan sasaran KPI Pengurus Besar yang boleh diambil kira sebagai sasaran KPI syarikat. KUMHSB menetapkan sembilan indikator KPI bagi tahun 2021 dan 12 indikator KPI bagi tahun 2022 melibatkan lima perspektif KPI iaitu Kewangan; Pelanggan; Imej dan Integriti; Modal Insan; dan Health, Safety, Security & Environmental (HSSE). Sasaran dan pencapaian KPI KUMHSB bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI KUMHSB BAGI TAHUN 2021 DAN 2022

BIL.	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
PERSPEKTIF KPI: KEWANGAN					
1.	Pendapatan	2021	RM2.90 juta	RM2.89 juta	99.7
		2022	RM2.93 juta	RM3.47 juta	118.4
2.	Pengurusan bajet (penjimatan kos berbanding bajet)	2021	3%	5.6%	186.7
		2022	3%	5.31%	177
3.	Keuntungan bersih	2021	Indikator diwujudkan pada tahun 2022		
		2022	RM80,000	RM184,544	230.7
PERSPEKTIF KPI: PELANGGAN					
4.	Tempoh pengoperasian projek utama dalam Hala Tuju KUM 2022 iaitu Solar, Kel-Intaaaj dan <i>Black Soldier Fly</i> di empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	2021	Indikator diwujudkan pada tahun 2022		
		2022	Mula operasi selewat-lewatnya bulan Disember 2022	Belum mula operasi	0
5.	Peratus pencapaian bajet dan kemajuan projek (syarikat subsidiari dan bersekutu)	2021	Indikator diwujudkan pada tahun 2022		
		2022	70%	70%	100
6.	Kelulusan bagi projek baharu berasaskan teknologi hijau	2021	1	2	200
		2022	2	4	200
7.	Pelaksanaan program yang ditetapkan dalam PIPM (bilangan program)	2021	1	1	100
		2022	24	16	66
8.	Program Komuniti Amalan Hijau Kelantan (bilangan program)	2021	Indikator diwujudkan pada tahun 2022		
		2022	2	4	200
9.	Pemantauan prestasi dilaksanakan oleh syarikat subsidiari	2021	70%	TM	TM
		2022	TB	TB	TB
PERSPEKTIF KPI: IMEJ DAN INTEGRITI					
10.	Imej korporat/integriti yang cemerlang (bilangan CSR)	2021	4	10	250
		2022	4	6	150
PERSPEKTIF KPI: MODAL INSAN					
11.	Pembangunan dan pemerkasaan melalui pembangunan kendiri (bilangan hari kursus)	2021	10 hari	31.5 hari	315
		2022	24 hari	46 hari	191.7
12.	Pelaksanaan program Ubudiyah Mas'uliyyah Itqan (UMI) yang berkesan	2021	80%	94%	117.5
		2022	80%	90%	112.5
PERSPEKTIF KPI: HSSE					
13.	Tindakan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan kakitangan	2021	0 Kes *	0 Kes *	100
		2022	Maksimum 3 Kes */Bulan	0 Kes *	100

Sumber: KUMHSB

Nota: TM - Tiada Maklumat

TB - Tidak Berkenaan

(*) - Kes merujuk kepada bilangan kes kematian/kecederaan

- b. Analisis Audit mendapati **bagi tahun 2021, sebanyak tujuh (77.8%) daripada sembilan sasaran indikator KPI telah mencapai antara 100% hingga 315%**. Baki dua indikator iaitu indikator pendapatan hampir mencapai sasaran yang ditetapkan (99.7%), manakala pencapaian bagi indikator pemantauan prestasi oleh syarikat subsidiari tidak dibuat penilaian oleh KUMHSB.
- c. Analisis Audit mendapati **bagi tahun 2022, sebanyak 10 (83.3%) daripada 12 sasaran indikator KPI telah dicapai**. Pencapaian indikator di bawah perspektif Kewangan iaitu pendapatan, pengurusan bajet dan keuntungan bersih bagi tahun 2022 masing-masing telah mencapai 118.4%, 177% dan 230.7% melebihi daripada sasaran yang ditetapkan.
- d. Bagi perspektif Pelanggan, tiga daripada lima indikator telah mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2022. Dua indikator yang tidak mencapai sasaran ialah tempoh pengoperasian projek utama dalam hala tuju KUMHSB dan pelaksanaan program Pelan Induk Pembangunan Mampan (PIPM).

Maklum Balas KUMHSB pada 30 Julai 2023

KUMHSB telah menyediakan KPI syarikat bagi tahun 2023 dan akan dibentangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah yang dijangkakan pada bulan Oktober akan datang.

Pendapat Audit | **Pencapaian KPI KUMHSB bagi tahun 2021 dan 2022 kurang memuaskan iaitu 77.8% dan 83.3% berbanding sasaran yang ditetapkan.**

5.1.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Pendapatan utama KUMHSB terdiri daripada yuran pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dan dividen daripada subsidiari. KUMHSB merekodkan trend penurunan dan peningkatan jumlah pendapatan bagi tahun 2020 hingga 2022. **KUMHSB mencatatkan pendapatan sejumlah RM2.89 juta (2020), RM2.69 juta (2021) dan RM3.47 juta (2022)**.

- b. Mulai tahun 2019, KUMHSB telah mengenakan bayaran yuran pengurusan kepada PBT yang menggunakan perkhidmatan KUMHSB untuk menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal. Bagaimanapun, PBT gagal menjelaskan bayaran tersebut dan pihak Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) telah membantu PBT menyelesaikan bayaran yuran pengurusan tahun 2019 yang berjumlah RM238,000 pada tahun 2020.
- c. Selain itu, Majaari Services Sdn. Bhd. (MSSB) tidak lagi dikenakan yuran pengurusan bermula pada tahun 2021 kerana syarikat telah menjadi dorman. Peningkatan dalam pendapatan pada tahun 2022 pula disebabkan oleh peningkatan yuran pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dan pendapatan lain. Antara faktor berlakunya peningkatan dalam pendapatan lain adalah disebabkan wujudnya pendapatan baharu iaitu bayaran nominal penggunaan tanah bagi Projek Solar Terapung; dan keuntungan pelupusan saham syarikat bersekutu (Sihat Afiat Sdn. Bhd.).
- d. **Jumlah perbelanjaan KUMHSB turut menunjukkan trend menurun dan meningkat bagi tahun 2020 hingga 2022, iaitu RM2.81 juta (2020), RM2.58 juta (2021) dan RM3.28 juta (2022).** Penurunan pada tahun 2021 disebabkan penurunan belanja operasi terutamanya kos langsung iaitu bayaran kepada syarikat pelaksana projek, manakala peningkatan pada tahun 2022 disebabkan oleh peningkatan dalam kos langsung dan kos kakitangan.
- e. KUMHSB telah merekodkan keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. **Keuntungan yang dicatat pada tahun 2022 berjumlah RM184,544 berbanding RM106,786 pada tahun 2021.** Keuntungan yang diperoleh bagi tahun 2022 telah meningkatkan keuntungan terkumpul KUMHSB menjadi RM609,505 pada akhir tahun 2022.
- f. Kedudukan serta perbandingan pendapatan dan perbelanjaan; trend keuntungan sebelum cukai; dan keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga tahun adalah seperti dalam **Jadual 3, Carta 3 dan Carta 4.**

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN
DAN UNTUNG RUGI KUMHSB BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022


BUTIRAN	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)
Pendapatan			
- Yuran Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	1,559,738	1,354,100	1,752,880
- Dividen Subsidiari	1,000,000	1,200,000	750,000
- Yuran Pengurusan MSSB	63,655	0	0
Pendapatan Lain	265,211	136,723	966,332
JUMLAH PENDAPATAN	2,888,604	2,690,823	3,469,212
Perbelanjaan Operasi			
- Kos Langsung	1,495,561	1,317,259	1,719,533
- Kos Kakitangan	981,314	954,982	1,201,618
- Kos Overhead dan Pentadbiran	329,749	307,966	359,735
Kos Kewangan	753	3,830	3,782
JUMLAH PERBELANJAAN	2,807,377	2,584,037	3,284,668
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	81,227	106,786	184,544
Cukai	0	0	0
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	81,227	106,786	184,544
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	318,175	424,961	609,505

Sumber: Penyata Kewangan KUMHSB bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

CARTA 3
PERBANDINGAN PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022



CARTA 4
TREND KEUNTUNGAN SEBELUM
CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022



Sumber: Penyata Kewangan bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

g. Jumlah aset menunjukkan trend menurun disebabkan pengurangan dalam nilai aset bukan semasa. **Aset KUMHSB bagi tahun 2022 berjumlah RM78.57 juta, menurun berbanding RM79.01 juta pada tahun 2021 dan RM79.16 juta pada tahun 2020.** Antara faktor utama penurunan nilai aset disebabkan pengurangan dalam nilai harta tanah, loji dan peralatan; pengutang perdagangan; dan lain-lain belum terima. Jumlah liabiliti juga menunjukkan trend menurun bagi tempoh yang sama. Liabiliti KUMHSB bagi tahun 2022 berjumlah RM27.96 juta, menurun berbanding RM28.59 juta pada tahun 2021 dan RM28.84 juta pada tahun 2020. Antara faktor yang menyebabkan penurunan jumlah liabiliti ialah pengurangan dalam liabiliti bukan semasa iaitu terutang kepada perbadanan induk. Kedudukan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN JUMLAH ASET, LIABILITI
DAN EKUITI KUMHSB PADA TAHUN 2020, 2021 DAN 2022

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Aset Bukan Semasa	53.68	53.64	52.01
Aset Semasa	25.47	25.37	26.56
JUMLAH ASET	79.16	79.01	78.57
Liabiliti Bukan Semasa	28.34	27.72	27.08
Liabiliti Semasa	0.50	0.87	0.88
JUMLAH LIABILITI	28.84	28.59	27.96
Ekuiti	50.32	50.42	50.61
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	79.16	79.01	78.57

Sumber: Penyata Kewangan KUMHSB bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

Maklum Balas KUMHSB pada 30 Julai 2023

KUMHSB bukan syarikat yang hanya bermotifkan keuntungan, sebaliknya turut bertujuan membantu Kerajaan dalam menyelesaikan masalah berkaitan utiliti awam.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan KUMHSB adalah stabil dengan keuntungan terkumpul berjumlah RM609,505 pada akhir tahun 2022.

5.1.1.3. Bilangan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal yang Diuruskan

- a. Aktiviti pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal merupakan antara penyumbang pendapatan utama kepada KUMHSB. MMK pada 13 Mei 2015 telah memutuskan KUMHSB sebagai agensi pelaksana Kerajaan Negeri dalam menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal yang baharu dan sedia ada di negeri Kelantan.
- b. Semakan Audit mendapati setakat bulan Mei 2023, **terdapat sembilan tapak pelupusan sisa pepejal di negeri Kelantan yang merupakan tapak pelupusan sedia ada. KUMHSB telah mendapat kelulusan daripada PBT untuk menguruskan tiga daripada sembilan tapak pelupusan sisa pepejal tersebut.** Perjanjian bagi satu daripada tiga tapak pelupusan tersebut iaitu di Beris Lalang, Bachok seluas 56.1 ekar telah ditandatangani bersama Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) pada tahun 2018. Aktiviti pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal tersebut telah dilaksanakan oleh KUMHSB selama empat tahun.
- c. Bagaimanapun, setakat bulan Mei 2023 perjanjian bagi dua lagi tapak pelupusan sisa pepejal masih dalam peringkat penyediaan draf dengan Majlis Daerah Tumpat dan Majlis Daerah Tanah Merah. Tapak pelupusan tersebut ialah tapak pelupusan sisa pepejal di Kok Bedollah, Tumpat seluas 90 ekar; dan tapak pelupusan sisa pepejal di Bukit Che Ros, Tanah Merah seluas 48.5 ekar. KUMHSB telah mendapat kelulusan untuk menguruskan tapak pelupusan di Kok Bedollah pada bulan Ogos 2022, manakala di Bukit Che Ros pula pada bulan Disember 2022. Pihak Audit mendapati KUMHSB tidak menetapkan sasaran bilangan tapak pelupusan yang akan diuruskan setiap tahun, sebaliknya bergantung kepada kesediaan dan persetujuan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukan untuk menampung kos pengurusan tapak pelupusan tersebut bagi pihak PBT.
- d. Maklumat kelulusan tapak pelupusan sisa pepejal dan gambar bagi tiga tapak pelupusan tersebut adalah seperti dalam **Jadual 5** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 6** berikut.

JADUAL 5
TARIKH KELULUSAN DAN PERJANJIAN
PENGURUSAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL

BIL.	TAPAK PELUPUSAN	KELUASAN (EKAR)	TARIKH KELULUSAN	TARIKH PERJANJIAN	CATATAN
1.	Beris Lalang, Bachok	56.1	TB	07.05.2018	-
2.	Kok Bedollah, Tumpat	90	22.08.2022	-	Kebenaran Kerja Awal (14.12.2022)
3.	Bukit Che Ros, Tanah Merah	48.5	29.12.2022	-	Mula masuk tapak 01.01.2023

Sumber: KUMHSB

Nota: TB - Tidak Berkaitan kerana perjanjian telah ditandatangani

GAMBAR 1



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Laluan masuk ke tapak pelupusan sisa pepejal
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Sisa pepejal
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Tapak Pelupusan Bukit Che Ros, Tanah Merah
- Laluan masuk ke tapak pelupusan sisa pepejal
(17.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Tapak Pelupusan Bukit Che Ros, Tanah Merah
- Sisa pepejal
(17.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Tapak Pelupusan Kok Bedollah, Tumpat
- Laluan masuk ke tapak pelupusan sisa pepejal
(17.05.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Tapak Pelupusan Kok Bedollah, Tumpat
- Sisa pepejal
(17.05.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas KUMHSB pada 17 Julai 2023 dan 9 Oktober 2023

Penglibatan KUMHSB dalam pengoperasian tapak pelupusan sisa pepejal milik PBT bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri kerana PBT tidak mampu untuk membayar kos operasi minimum pengoperasian tapak pelupusan tersebut. Pihak KUMHSB akan menambah bilangan tapak pelupusan yang diuruskan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada dana yang diterima daripada Kerajaan Negeri.

Pendapat Audit	Peranan KUMHSB sebagai agensi pelaksana Kerajaan Negeri bagi pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal di negeri Kelantan belum dicapai. Namun, bilangan tapak pelupusan yang diuruskan oleh KUMHSB telah meningkat daripada satu kepada tiga tapak pelupusan pada tahun 2022.
-----------------------	---

5.1.1.4. Pulangan atas Pelaburan Syarikat Subsidiari

- Pencapaian output KUMHSB turut diukur melalui pulangan pelaburan daripada syarikat subsidiari. KUMHSB memiliki dua syarikat subsidiari dengan pelaburan modal saham berjumlah RM50 juta dalam Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) dan RM0.50 juta dalam Majaari Services Sdn. Bhd. (MSSB).
- Setakat bulan Mei 2023, hanya Aksa yang masih aktif menjalankan perniagaan, manakala MSSB kini merupakan syarikat dorman setelah aktivitinya diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) pada 1 Januari 2021. **Pulangan atas pelaburan yang diterima oleh KUMHSB daripada Aksa dan MSSB bagi tahun 2020 hingga 2022 berjumlah RM3.01 juta** yang

terdiri daripada dividen berjumlah RM2.95 juta dan yuran pengurusan daripada MSSB bagi tahun 2020 berjumlah RM63,655.

- c. Pulangan dividen yang diterima oleh KUMHSB daripada AKSB bagi tahun 2020 hingga 2022 berjumlah RM1.70 juta (72.6%) daripada keuntungan tahunan AKSB, manakala dividen daripada MSSB berjumlah RM1.25 juta (416.7%) daripada keuntungan tahunan MSSB. Jumlah tersebut merupakan 111.7% daripada keuntungan syarikat subsidiari KUMHSB. Maklumat terperinci dividen dan keuntungan syarikat subsidiari KUMHSB adalah seperti dalam **Jadual 6** berikut.

JADUAL 6
DIVIDEN DAN KEUNTUNGAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022

BUTIRAN	TAHUN	DIVIDEN (RM Juta) (a)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) TAHUNAN (RM Juta) (b)	KEUNTUNGAN TERKUMPUL (RM Juta)	(%) (a)/(b)
Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB)	2020	1.00	0.58	18.80	172.4
	2021	0.70	0.85	18.95	82.4
	2022	0	0.91	19.86	0
JUMLAH		1.70	2.34	19.86	72.6
Maajari Services Sdn. Bhd. (MSSB)	2020	0	0.11	1.23	0
	2021	0.50	0.22	0.94	227.3
	2022	0.75	(0.03)	0.16	(2,500)
JUMLAH		1.25	0.30	0.16	416.7
JUMLAH KESELURUHAN		2.95	2.64	20.02	111.7

Sumber: KUMHSB

- d. Bagi tahun 2022, AKSB tidak mengisyiharkan dividen walaupun memperoleh keuntungan setelah mengambil kira nasihat dan saran daripada juruaudit swasta. MSSB pula membayar dividen kepada KUMHSB walaupun syarikat berstatus dorman kerana memperoleh hasil daripada proses pengambilalihan aktiviti oleh IWK pada tahun 2021. Pengisyiharan dividen pada tahun 2022 pula dibuat berdasarkan keuntungan terkumpul yang dicatatkan oleh syarikat.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Pencapaian Syarikat Sebagai Rakan Strategik Kerajaan Negeri Kelantan

- a. Syarikat tidak menetapkan pengukuran keberhasilan secara khusus bagi menilai objektif penubuhannya. Oleh itu, selaras dengan peranannya sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri bagi pelaburan dalam industri teknologi hijau di negeri Kelantan, pihak Audit menilai keberhasilan syarikat berdasarkan pencapaian Projek Solar Terapung. KUMHSB telah berjaya menarik pelaburan melalui usaha sama yang dijalankan dengan syarikat pelabur bagi melaksanakan Projek Solar Terapung yang pada awalnya dijangka siap pada 31 Mei 2022.
- b. Semakan Audit mendapati KUMHSB telah mendapat kelulusan MMK pada 7 Oktober 2020 untuk melaksanakan Projek Solar Terapung melibatkan kawasan seluas 166.7 ekar di Danau Tok Uban, Pasir Mas. Projek yang berkapasiti 60 *Mega-Watt alternating current* (MWac) ini merupakan projek Suruhanjaya Tenaga menerusi Program Large Scale Solar II (LSS2). Sehingga tarikh akhir pengauditan pada bulan Mei 2023, KUMHSB telah menandatangani perjanjian serahan hak penggunaan tanah, tetapi masih dalam proses menandatangani perjanjian usaha sama berkaitan operasi projek tersebut.
- c. Berdasarkan draf perjanjian projek usaha sama, secara keseluruhannya, tempoh pelaksanaan projek tersebut ialah selama 23 tahun iaitu setahun bagi Fasa Pemasangan/Pembinaan, 21 tahun bagi Fasa Operasi Komersial, dan setahun lagi adalah bagi Fasa Penamatan. Butiran lanjut projek adalah seperti berikut:
 - i. Fasa Pemasangan/Pembinaan: mengandungi empat komponen iaitu pemasangan panel solar di permukaan tasik, pembinaan bangunan fasiliti elektrik, pemasangan kabel penyambung sepanjang 10 kilometer, dan pembinaan fasiliti penyambungan *Loop-In Loop-Out* (LILO).
 - ii. Fasa Operasi Komersial: Projek Solar Terapung mula beroperasi dan menghasilkan tenaga untuk dijual kepada pihak yang berkenaan.
 - iii. Fasa Penamatan: kawasan tasik tersebut perlu dikosongkan semula selepas tamat tempoh operasi.
- d. Semakan Audit terhadap laporan kemajuan projek bagi bulan Mac 2023 mendapati **pemasangan/pembinaan projek tersebut berada pada tahap 86.1% walaupun telah melepassi tarikh awal jangkaan siap**

iaitu pada 31 Mei 2022. Perkara ini berlaku kerana fasiliti penyambungan LILO yang merupakan komponen terakhir projek masih dalam proses pembinaan. Tiga komponen lain iaitu pemasangan panel solar di permukaan tasik, pembinaan bangunan fasiliti elektrik, dan pembinaan kabel penyambung sepanjang 10 kilometer telah siap dipasang/dibina sepenuhnya. Gambar projek semasa lawatan fizikal pada 28 Mei 2023 adalah seperti dalam **Gambar 7** hingga **Gambar 12** berikut.

GAMBAR 7



Tasik Danau Tok Uban, Pasir Mas
- Panel solar terapung yang telah siap dipasang
(28.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Tasik Danau Tok Uban, Pasir Mas
- Panel solar terapung yang telah siap dipasang
(28.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Tok Uban, Pasir Mas
- Bangunan fasiliti elektrik yang mengumpulkan tenaga untuk disalurkan ke LILO melalui kabel penyambung
(28.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Tok Uban, Pasir Mas
- Fasiliti elektrik yang telah siap dipasang
(28.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Tok Uban, Pasir Mas
- Kabel penyambung yang menyambungkan antara fasiliti elektrik dengan LILO
(28.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Pasir Genda, Tanah Merah
- Kerja pembinaan sedang dilaksanakan bagi fasiliti penyambungan LILO yang berfungsi untuk menyalurkan tenaga kepada pencawang elektrik
(28.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- e. Kelewatan ini berlaku akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara, penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dan pelan susun atur pencawang suis berkaitan pembinaan fasiliti penyambungan LILO yang tidak memenuhi piawaian Tenaga Nasional Berhad (TNB). Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan Fasa Operasi Komersial projek telah tertangguh. Pihak pelabur telah memohon lanjutan masa kepada pihak TNB untuk menyiapkan Fasa Pemasangan/Pembinaan projek kepada tarikh baharu iaitu pada 13 November 2023 tetapi belum menerima sebarang maklum balas.
- f. Walaupun kelewatan yang berlaku di luar kawalan KUMHSB, namun ia telah menjelaskan sasaran pendapatan KUMHSB. Sasaran pendapatan tersebut terdiri daripada wang sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM0.75 juta dan fi pentadbiran berjumlah RM96,000. Kedua-dua pendapatan ini sepatutnya diterima pada tarikh fasa operasi komersial mula dilaksanakan, namun masih belum diterima kerana projek belum memasuki Fasa Operasi Komersial. Maklumat senarai bayaran oleh pelabur kepada KUMHSB adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
SENARAI BAYARAN OLEH PELABUR KEPADA KUMHSB
SETAKAT BULAN MEI 2023

BIL.	JENIS BAYARAN	AMAUН (RM)	TARIKH BAYARAN SEPATUTNYA	BAYARAN (RM)	TARIKH BAYARAN	BAKI BELUM TERIMA (RM)
1.	Bayaran Nominal Penggunaan Tanah	116,683	27.01.2023	116,683	27.01.2023	0
2.	Bayaran CSR	1,000,000	Jun 2022 *	250,000	01.04.2021	750,000
3.	Fi Pentadbiran	96,000	Jun 2022 *	0	TB	96,000
JUMLAH		1,212,683		366,683		846,000

Sumber: KUMHSB

Nota: (*) - Tarikh bayaran sepatutnya diambil kira berdasarkan tarikh asal projek memasuki Fasa Operasi Komersial (Commercial Operation Date)

TB - Tidak Berkenaan kerana bayaran belum diterima daripada pelabur

- g. Namun begitu, pelaksanaan projek solar telah berjaya menyumbang kepada pendapatan beberapa agensi Kerajaan Negeri. Bagi tahun 2020 hingga bulan Mei 2023, sejumlah RM2.06 juta telah dibayar oleh pihak pelabur. Jumlah tersebut melibatkan RM0.67 juta hasil kepada agensi dan Kerajaan Negeri; dan sejumlah RM1.39 juta merupakan bayaran deposit serta wang cagaran. Antara agensi Kerajaan Negeri yang mendapat manfaat adalah seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa; Pentadbir Tanah; Jabatan Kerja Raya; Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri; Jabatan Sumber Air Negeri; dan PBT. Maklumat

terperinci bayaran yang telah dijelaskan oleh pihak pelabur kepada agensi Kerajaan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
SENARAI BAYARAN OLEH PELABUR KEPADA
AGENSI KERAJAAN NEGERI SETAKAT BULAN MEI 2023

BIL.	AGENSI KERAJAAN NEGERI	TARIKH BAYARAN	JENIS BAYARAN	BAYARAN (RM)
1.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kelantan	Disember 2020	Fi permohonan pemasangan: - Sistem solar terapung - Bilik elektrik separa kekal - Tapak projek sementara	66,868
		27.07.2021	Fi permohonan kebenaran merancang <i>single lilo</i> di tanah merah	8,702
2.	Majlis Daerah Pasir Mas	2020 hingga 2021	Struktur sementara - Fasiliti elektrik	5,783
		18.03.2021	Fi kelulusan permit - Daftar fail, bayaran papan tanda, kelulusan <i>chainlink fence</i> dan kelulusan kabin	3,200
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	15.02.2021	Deposit Jaminan Pelaksanaan Projek	250,000
4.	Pesuruhjaya Tanah Kelantan	03.03.2021	Deposit pajakan tanah rizab - 164 ekar tasik, 2.69 ekar darat	793,765
5.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan	10.03.2021	Fi kebenaran akses dan pemasangan kabel	97,700
6.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	28.04.2021	Deposit permohonan ubah syarat hak milik tanah	259,386
7.	Jabatan Kerja Raya Tanah Merah	11.07.2021	Wang cagaran 30%	86,814
8.	Pentadbir Tanah, Tanah Merah	14.10.2021	Bayaran ex-gratia/ganti rugi ROW dan rizab jalan	19,000
9.	Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan	20.02.2022	Lesen Pengubahan Sumber Air - Termasuk fi proses dan fi lesen tahun 2021 dan 2022	244,508
10.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas	19.09.2022	Lesen Menduduki Sementara Tanah Kerajaan tahun 2021 dan 2022	226,912
JUMLAH KESELURUHAN				2,062,638

Sumber: KUMHSB

Maklum Balas KUMHSB pada 17 Julai 2023

Persetujuan pelabur untuk membangunkan Projek Solar Terapung bernilai ratusan juta ringgit ini menunjukkan KUMHSB berjaya menarik pelabur yang kompeten untuk membangunkan projek industri teknologi hijau di negeri Kelantan.

Pendapat Audit | KUMHSB telah melaksanakan peranannya sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dengan menarik pelabur bagi membangunkan industri teknologi hijau di negeri Kelantan. Bagaimanapun, kelewatan pelaksanaan Projek Solar Terapung telah memberi kesan kepada pendapatan KUMHSB.

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

Bagi melaksanakan tanggungjawabnya kepada MPKB, KUMHSB telah memeterai Perjanjian Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Beris Lalang dengan sebuah syarikat pelaksana projek pada 25 April 2018. Syarikat ini telah ditubuhkan secara khusus melalui usaha sama antara KUMHSB dengan syarikat yang memiliki kepakaran dalam pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal. Perjanjian tersebut adalah bagi tempoh 22 tahun.

5.2.1.1. Pelaksanaan Aktiviti Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

- a. Berdasarkan terma 10 Perjanjian Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Beris Lalang, syarikat pelaksana projek perlu melaksanakan beberapa perkara utama, antaranya seperti berikut:
 - i. mematuhi semua langkah kawalan pencemaran di tapak projek selaras dengan Akta Alam Sekitar 1974;
 - ii. menjaga kemudahan di tapak projek seperti pejabat tapak, jentera berat dan sistem kawalan pencemaran;
 - iii. memastikan kawasan sekitar dan laluan keluar masuk tapak disenggara;
 - iv. menyediakan papan tanda larangan masuk dan mengutip sampah oleh orang awam; dan
 - v. melaksanakan aktiviti di tapak mengikut SOP Operasi dan Keselamatan yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, syarikat pelaksana projek telah melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian. Hasil lawatan Audit mendapati kemudahan yang terdapat di tapak pelupusan seperti pejabat tapak; jentera berat; kawasan sekitar; dan laluan

keluar masuk tapak dijaga dan disenggara dengan baik. Papan tanda larangan masuk juga telah disedia dan diletakkan di tapak pelupusan.

- c. Selain itu, SOP Operasi dan SOP Keselamatan secara umumnya telah dipatuhi. Antara SOP Operasi yang dipatuhi adalah seperti berat lori yang keluar masuk telah ditimbang; sisa pepejal telah dimampatkan menggunakan jentera berat; kerja penutupan sisa pepejal (*capping*) telah dibuat; dan kolam takungan air larut resap (*leachate*) telah dibina dan disenggara dengan baik. Di samping itu, tapak mencuci lori telah disediakan, dan gas yang terhasil daripada sisa pepejal juga telah diuruskan dengan baik. SOP Keselamatan yang dipatuhi pula adalah seperti pemakaian kasut keselamatan dan penyediaan perlindungan insurans/caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pekerja. Gambar di sekitar tapak pelupusan sisa pepejal semasa lawatan Audit adalah seperti dalam **Gambar 13** hingga **Gambar 20**.

GAMBAR 13



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Laluan masuk ke tapak pelupusan
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Papan kenyataan yang disediakan di laluan masuk tapak
pelupusan
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Pejabat tapak dalam keadaan yang baik
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Papan tanda larangan masuk yang disediakan
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Lori masuk berada di atas jambatan timbang
(24.05.2023)
(Sumber: KUMHSB)

GAMBAR 18



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Capping yang telah dilaksanakan bagi menutup sisip pepejal menggunakan tanah
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Kolam takungan air larut resap (*leachate*)
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Tapak Pelupusan Beris Lalang, Bachok
- Tapak mencuci lori yang disediakan
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Bagaimanapun, **terdapat juga beberapa SOP Operasi dan SOP Keselamatan yang tidak dipatuhi.** SOP Operasi yang tidak dipatuhi ialah tidak memasang pagar di sekeliling tapak, manakala SOP Keselamatan yang tidak dipatuhi pula adalah seperti peraturan pemakaian topi keselamatan, topeng muka anti habuk, dan sarung tangan getah.
- e. Lawatan Audit pada 24 Mei 2023 mendapati, walaupun papan tanda larangan masuk telah diletakkan di kawasan tapak, namun masih terdapat orang awam yang memasuki kawasan tersebut bagi mengutip sampah yang boleh dikitar semula dan barang terpakai. Keadaan ini boleh mendatangkan risiko terhadap keselamatan dan kesihatan orang awam tersebut serta boleh menjelaskan nama baik syarikat. Bagaimanapun, pihak syarikat telah mengambil tindakan dengan menyediakan aku janji dengan pengutip sampah supaya syarikat tidak dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini kepada pengutip sampah di tapak pelupusan.

f. Lawatan tersebut turut mendapati berlaku kebakaran di sekitar kawasan tapak yang berlarutan dan boleh menyumbang kepada pencemaran udara. Keadaan ini disebabkan kebakaran tanah gambut yang berlaku di kawasan sekitar telah merebak ke tapak pelupusan. Temu bual Audit dengan pekerja tapak pelupusan mendapati pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan lawatan bagi tujuan pemantauan memandangkan kebakaran tersebut berlarutan sehingga melebihi 14 hari. Keadaan sekitar tapak adalah seperti dalam **Gambar 21** dan **Gambar 22** berikut.

GAMBAR 21



Beris Lalang, Bachok
- Kebakaran di tapak pelupusan
(17.05.2023)
(Sumber: KUMHSB)

GAMBAR 22



Beris Lalang, Bachok
- Kesan Terbakar di tapak pelupusan
(24.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas KUMHSB pada 17 Julai 2023 dan 30 Julai 2023

KUMHSB telah mendapat pengecualian pembinaan pagar daripada MPKB dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Beris Lalang pada 28 Februari 2023. Syarikat pelaksana projek akan mengetatkan peraturan di tapak dan para pekerja akan dipantau bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Kebakaran mudah merebak kerana tapak pelupusan mengandungi gas methane yang terhasil daripada pereputan sisa pepejal dan mudah terbakar. Hasil perbincangan antara syarikat pelaksana projek dengan pihak bomba dan pihak Kerajaan Negeri, beberapa langkah pencegahan kebakaran dan pemadaman awal akan disiapkan. Antara langkah tersebut adalah dengan menutup sisa pepejal menggunakan tanah merah di kawasan yang kritikal bagi mengelakkan kebakaran daripada merebak ke kawasan lain; dan pembelian pam air bagi membantu melakukan pemadaman awal sementara menunggu ketibaan bomba. Pihak bomba juga bersetuju untuk memberikan taklimat dan latihan pemadaman awal kepada kakitangan syarikat pelaksana projek.

Pendapat Audit | Syarikat pelaksana projek telah berjaya menambah baik keadaan di tapak pelupusan sisa pepejal melalui kaedah pengurusan yang lebih sistematik. Bagaimanapun, KUMHSB perlu menjalankan pemantauan secara berkala bagi memastikan keadaan di tapak pelupusan sentiasa terkawal dan syarikat pelaksana projek menjalankan tanggungjawab serta mematuhi sepenuhnya syarat yang ditetapkan dalam perjanjian.

5.2.1.2. Yuran Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

- a. Terma 4.1 dan 4.2 Perjanjian menghendaki KUMHSB menjelaskan bayaran tetap berjumlah RM75,000 sebulan kepada syarikat pelaksana projek sepanjang tempoh perjanjian selama 22 tahun. Terma 4.4 Perjanjian pula menyatakan syarikat pelaksana perlu membayar yuran pengurusan sebanyak lima peratus (5%) daripada keseluruhan jumlah pendapatannya kepada KUMHSB secara bulanan. Yuran pengurusan tersebut perlu dibayar kepada KUMHSB dalam tempoh 30 hari dari tarikh penutupan akaun bulanan syarikat pelaksana projek.
- b. Semakan Audit mendapati selain daripada bayaran tetap, KUMHSB juga perlu membuat bayaran tambahan kepada syarikat pelaksana projek. Bayaran tambahan ini merupakan *tipping fee* yang dikenakan kepada PBT mengikut timbangan berat sisa pepejal yang dibawa masuk ke tapak pelupusan. Bayaran ini telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak tetapi tidak dinyatakan dalam terma perjanjian. Bayaran berkenaan dibuat oleh KUMHSB kepada syarikat pelaksana projek melalui kaedah bayaran yang berbeza seperti berikut:
 - i. bagi bayaran tetap bulanan berjumlah RM75,000 sebulan, KUMHSB akan membuat bayaran secara terus kepada syarikat pelaksana projek; dan
 - ii. bagi *tipping fee* pula, KUMHSB akan membuat bayaran kepada syarikat pelaksana projek sebanyak 95% sahaja iaitu setelah ditolak dengan yuran pengurusan sebanyak 5% yang perlu dijelaskan oleh syarikat pelaksana projek kepada KUMHSB.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati, KUMHSB telah menjelaskan bayaran tetap bulanan dan *tipping fee* kepada syarikat pelaksana projek mengikut syarat yang telah ditetapkan. Syarikat pelaksana projek juga telah menjelaskan bayaran yuran pengurusan kepada KUMHSB yang dikenakan bermula Jun 2019

mengikut syarat yang dipersetujui. Secara keseluruhannya, bagi tahun 2020 hingga 2022, KUMHSB telah memperoleh pendapatan daripada yuran pengurusan yang dijelaskan oleh syarikat pelaksana projek berjumlah RM247,857 iaitu RM157,392 daripada pendapatan bulanan dan RM90,465 daripada *tipping fee*. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM84,200 ialah pendapatan yuran pengurusan bagi tahun 2020, RM70,866 bagi tahun 2021 dan RM92,791 bagi tahun 2022. Pendapatan KUMHSB daripada pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENDAPATAN KUMHSB DARIPADA PENGURUSAN TAPAK
PELUPUSAN SISA PEPEJAL BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022

TAHUN	PENDAPATAN YURAN PENGURUSAN (5%)		JUMLAH (RM)
	PENDAPATAN BULANAN SYARIKAT PELAKSANA (RM)	TIPPING FEE (RM)	
2020	53,909	30,291	84,200
2021	50,696	20,170	70,866
2022	52,787	40,004	92,791
JUMLAH	157,392	90,465	247,857

Sumber: Rekod Kewangan KUMHSB

5.2.2. Projek Solar Terapung Danau Tok Uban

Projek Solar Terapung Danau Tok Uban, Pasir Mas terdiri daripada tiga fasa iaitu Fasa Pembinaan/Pemasangan; Fasa Operasi Komersial; dan Fasa Penamatan. Fasa Pembinaan/Pemasangan sedang dilaksanakan dan KUMHSB dengan pihak pelabur kini dalam proses menandatangani perjanjian usaha sama berkaitan operasi projek. Peranan KUMHSB dalam projek ini adalah sebagai pemudah cara antara pihak pelabur dengan Kerajaan Negeri serta agensi di bawahnya. Selain itu, KUMHSB terlibat dalam urusan pajakan tanah Kerajaan Negeri yang digunakan dalam projek tersebut dan telah menandatangani perjanjian serahan hak penggunaan tanah dengan pihak pelabur.

5.2.2.1. Fi Pentadbiran dan Perkongsian Keuntungan

- Berdasarkan surat pihak pelabur kepada KUMHSB bertarikh 22 Oktober 2020, pihak pelabur akan membayar fi pentadbiran berjumlah RM3,000 sebulan kepada KUMHSB sebagai balasan terhadap perkhidmatan yang dijalankan oleh KUMHSB. Bayaran fi tersebut diambil kira mulai bulan Oktober 2020 sehingga

tarikh mula Fasa Operasi Komersial projek. Berdasarkan Perjanjian Pembelian Tenaga, tarikh permulaan bagi Fasa Operasi Komersial adalah pada 31 Mei 2022. Selain itu, mengikut surat pelabur bertarikh 21 September 2020, pelabur juga akan membuat bayaran kepada KUMHSB sebanyak 10% daripada untung bersih tahunan projek atau sekurang-kurangnya RM200,000 setahun.

- b. Semakan Audit terhadap klausa berkaitan fi pentadbiran dalam draf perjanjian pula mendapati fi tersebut akan dijelaskan oleh pihak pelabur selepas perjanjian ditandatangani manakala perkongsian keuntungan pula akan dibayar setahun selepas projek memasuki Fasa Operasi Komersial. **Setakat bulan Mei 2023, jumlah terkumpul fi pentadbiran yang perlu dijelaskan oleh pihak pelabur kepada KUMHSB ialah RM96,000.**
- c. Berdasarkan draf perjanjian yang sama, tempoh kuat kuasa perjanjian ialah 21 tahun bermula dari tarikh Fasa Operasi Komersial projek. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan dijalankan perjanjian usaha sama antara KUMHSB dengan pihak pelabur masih belum ditandatangani. Perkara ini disebabkan terdapat isu berkaitan klausa balasan dan jadual pembayaran pembahagian keuntungan yang mengelirukan serta tidak jelas dalam draf perjanjian usaha sama.
- d. Kelewatan pelaksanaan Fasa Pemasangan/Pembinaan telah **menjejaskan sasaran KUMHSB untuk memperoleh pendapatan daripada pembahagian keuntungan mulai tahun 2022.**

Maklum Balas KUMHSB pada 17 Julai 2023

Klausa perjanjian berkaitan perkongsian keuntungan masih lagi dalam perbincangan antara KUMHSB dengan syarikat pelabur.

Pendapat Audit	Perjanjian usaha sama yang masih belum ditandatangani memberi kesan kepada pendapatan KUMHSB yang sepatutnya mula diterima selepas Fasa Operasi Komersial projek.
-----------------------	--

5.2.2.2. Sumbangan CSR daripada Pelabur

- a. Menerusi surat pihak pelabur kepada KUMHSB bertarikh 21 September 2020, pihak pelabur akan memberikan sumbangan wang CSR berjumlah RM1 juta kepada KUMHSB bagi melaksanakan aktiviti berikut:
 - i. pengembangan kemudahan ekopelancongan seperti platform terapung untuk aktiviti memancing dan sukan air;
 - ii. pengoperasian restoran ikan bakar terapung hasil daripada aktiviti perikanan di tasik yang dioperasikan oleh beberapa peniaga tempatan yang terpilih; dan
 - iii. pemberian bantuan kepada pemaju perikanan sedia ada bagi meningkatkan kemudahan projek ikan dalam sangkar.
- b. Pembayaran sumbangan CSR oleh pihak pelabur kepada KUMHSB akan dibuat mengikut kaedah yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. bayaran pertama berjumlah RM250,000 akan dibayar sebaik sahaja menerima surat kebenaran melakukan kerja-kerja bukan kekal;
 - ii. bayaran kedua berjumlah RM250,000 akan dibayar sebaik sahaja kebenaran merancang penuh diluluskan; dan
 - iii. baki bayaran RM500,000 akan dibayar mengikut pelan pelaksanaan aktiviti.
- c. Semakan Audit mendapati tujuan dan kaedah bayaran wang sumbangan CSR telah dimasukkan dalam draf awal perjanjian kerjasama antara KUMHSB dengan pihak pelabur. Draf perjanjian tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KUMHSB Bilangan 46 (2/2021) pada 3 Ogos 2021. Bagaimanapun, draf perjanjian tersebut hendaklah disemak terlebih dahulu oleh Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan (PUU) sebelum ditandatangani. Sehingga tarikh akhir pengauditan dijalankan iaitu pada bulan Mei 2023, draf perjanjian masih belum dikemukakan kepada PUU Negeri.
- d. Setakat bulan Mei 2023, KUMHSB telah menerima bayaran CSR pertama berjumlah RM250,000 daripada pihak pelabur. Bagaimanapun, bayaran kedua berjumlah RM250,000 yang sepatutnya dijelaskan setelah kebenaran merancang diluluskan (Mei 2021) dan bayaran ketiga berjumlah RM500,000 yang perlu dijelaskan mengikut pelan pelaksanaan aktiviti masih belum diterima. Keadaan ini berlaku disebabkan draf perjanjian CSR masih dalam perbincangan dan

belum dimuktamadkan, serta pelaksanaan projek juga belum memasuki Fasa Operasi Komersial.

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati draf perjanjian yang belum ditandatangani tersebut telah mengalami beberapa perubahan. Antara lain, ini termasuk pengasingan Perjanjian Usaha Sama dengan Perjanjian CSR; dan tujuan sumbangan telah diubah yang mana KUMHSB dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa tanggungjawab sosial korporat yang difikirkan sesuai.
- f. Selain itu, tarikh bayaran CSR kedua berjumlah RM250,000 juga telah diubah kepada selepas projek memasuki Fasa Operasi Komersial. Bagi bayaran CSR ketiga berjumlah RM500,000 pula, bayaran akan dijelaskan sebanyak RM100,000 sebulan selama lima bulan mulai bulan berikutnya selepas bayaran kedua selesai dibuat. Maklumat lanjut perubahan kaedah bayaran dan tujuan sumbangan CSR adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERUBAHAN KAEDAH BAYARAN DAN TUJUAN SUMBANGAN CSR
ANTARA SURAT TAWARAN PELABUR DENGAN DRAF PERJANJIAN

PERKARA	SURAT DARIPADA PELABUR	DRAF PERJANJIAN	CATATAN
Tujuan Sumbangan CSR	<p>Sumbangan CSR daripada pelabur kepada KUMHSB berjumlah RM1 juta bertujuan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. pengembangan kemudahan ekopelancongan seperti platform terapung untuk aktiviti memancing dan sukan air; 2. pengoperasian restoran ikan bakar terapung hasil dari aktiviti perikanan di tasik yang dioperasikan oleh beberapa peniaga tempatan yang terpilih; dan 3. pemberian bantuan kepada pemaju perikanan sedia ada untuk meningkatkan kemudahan projek ikan dalam sangkar. 	<p>Pihak pelabur hendaklah membayar kos CSR berjumlah RM1 juta kepada KUMHSB untuk tujuan melaksanakan apa-apa tanggungjawab sosial korporat yang difikirkan sesuai oleh KUMHSB.</p>	-
Kaedah Bayaran Sumbangan CSR	<p>1. Bayaran pertama berjumlah RM250,000 akan dibayar sebaik sahaja menerima surat kebenaran melakukan kerja-kerja bukan kekal.</p>	1. Tiada perubahan.	Bayaran telah dijelaskan pada 1 April 2021
	<p>2. Bayaran kedua berjumlah RM250,000 akan dibayar sebaik sahaja kebenaran merancang penuh diluluskan.</p>	2. Bayaran kedua berjumlah RM250,000 hendaklah dibayar setelah projek mencapai tarikh operasi komersial. Pembayaran hendaklah dibuat 30 hari selepas tarikh operasi komersial.	Belum bayar

PERKARA	SURAT DARIPADA PELABUR	DRAF PERJANJIAN	CATATAN
	3. Baki bayaran RM500,000 akan dibayar mengikut pelan pelaksanaan aktiviti.	3. Bayaran ketiga berjumlah RM500,000 hendaklah dibayar secara ansuran sebanyak RM100,000 sebulan untuk tempoh lima bulan. Bayaran tersebut hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari selepas bayaran RM250,000 (bayaran kedua) dibuat.	Belum bayar

Sumber: KUMHSB

g. Semakan Audit mendapati, **Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Pengurusan KUMHSB tidak membincangkan sebarang pendekatan terperinci tentang bagaimana wang sumbangan CSR tersebut akan dibelanjakan.** Daripada RM250,000 sumbangan CSR yang diterima oleh KUMHSB, **sejumlah RM32,977 telah dibelanjakan untuk tujuan bayaran sagu hati kepada pemilik tanah, upah ukur laluan, dan sumbangan pembelian jersi kepada Pasukan Bola Sepak Veteran Chasi.** Senarai perbelanjaan daripada sumbangan CSR adalah seperti dalam **Jadual 11.**

**JADUAL 11
PERBELANJAAN YANG TELAH DIBUAT MENGGUNAKAN SUMBANGAN CSR**

BIL.	TARIKH BAYARAN	NOMBOR BAUCAR	TUJUAN BAYARAN	AMAUN (RM)
1.	28.07.2021	KUM/BI/21/199	Bayaran sagu hati bagi pelaksanaan Projek Solar Terapung	1,500
2.	11.05.2021	KUM/BI/21/136	Bayaran sagu hati kepada pemilik rumah yang terjejas akibat Projek Solar Terapung	10,000
3.	11.05.2021	KUM/BI/21/135	Bayaran sagu hati kepada pemilik rumah yang terjejas akibat Projek Solar Terapung	10,000
4.	22.09.2021	KUM/BI/21/256	Bayaran sagu hati kepada pemilik tanah untuk Projek Solar Terapung	9,537
5.	03.11.2021	KUM/BI/21/306	Bayaran sumbangan pembelian jersi Pasukan Bola Sepak Veteran Chasi	1,790
6.	10.11.2021	KUM/BI/21/325	Bayaran upah ukur hak lalu-lalang untuk Projek Solar Terapung	150
JUMLAH				32,977

Sumber: KUMHSB

Maklum Balas KUMHSB pada 30 Julai 2023

Draf perjanjian masih dalam peringkat mendapatkan persetujuan kesemua pihak berkaitan iaitu Jabatan Undang-undang PMBK, KUMHSB dan pihak pelabur. KUMHSB akan menyediakan polisi dalaman mengenai CSR setelah perjanjian CSR ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Pendapat Audit | Wang sumbangan CSR perlu dikawal dan dibelanjakan dengan sewajarnya.

5.2.2.3. Bayaran Nominal Penggunaan Tanah

- a. Perjanjian Serahan Hak Penggunaan Tanah bagi pelaksanaan Projek Solar Terapung telah ditandatangani antara KUMHSB dengan pihak pelabur pada 17 November 2022. Mengikut klausa 3.2 perjanjian tersebut, pihak pelabur perlu membuat bayaran nominal serahan hak RM400 per ekar setahun berjumlah RM66,676 setahun kepada KUMHSB sebagai balasan KUMHSB menyerahkan hak penggunaan tapak seluas 166.7 ekar bagi Projek Solar Terapung. Bayaran tersebut adalah bagi tempoh penggunaan tanah bermula dari tarikh Surat Kebenaran Masuk Tapak sehingga tarikh Fasa Operasi Komersial projek. Bayaran nominal tersebut perlu dijelaskan oleh pihak pelabur dalam masa 60 hari dari tarikh perjanjian ditandatangani.
- b. Semakan Audit mendapati Surat Kebenaran Masuk Tapak bagi Projek Solar Terapung di Danau Tok Uban telah dikeluarkan pada 13 Mac 2021. Semakan Audit selanjutnya turut mendapati bayaran nominal penggunaan tanah hingga akhir tahun 2022 berjumlah RM116,683 telah dijelaskan oleh pihak pelabur pada 27 Januari 2023. Bayaran tersebut adalah bagi tempoh setahun sembilan bulan.

5.3. Tadbir Urus Korporat

- 5.3.1. Sebagai syarikat subsidiari PMBK, KUMHSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, antara rujukan amalan terbaik tadbir urus korporat ialah Malaysian Code on Corporate Governance 2021

(MCCG 2021), The Green Book - Enhancing Board Effectiveness (Green Book), Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook] Disember 2014 serta panduan tadbir urus oleh Chartered Institute of Internal Auditors.

5.3.2. Semakan Audit mendapati KUMHSB hanya mengamalkan sepenuhnya tiga daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif; dan SOP. Lima aspek amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik; dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit (JKA); dan Audit Dalam. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh KUMHSB adalah seperti penemuan dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	MCCG 2021 amalan 5.2: Sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah berstatus bebas.	Kesemua Lembaga Pengarah KUMHSB berstatus tidak bebas.
Setiausaha Syarikat	MCCG 2021 amalan 1.5: Lembaga Pengarah hendaklah disokong oleh Setiausaha Syarikat yang mempunyai kelulusan yang sewajarnya dan cekap untuk memberi nasihat tadbir urus yang bernes, memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prosedur serta menyokong pelaksanaan amalan terbaik tadbir urus korporat.	Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah mengenai komposisi/status kebebasan Lembaga Pengarah dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) syarikat.
Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama	Green Book Bahagian 1, perenggan 3.2 dan MKD Handbook perenggan 3.33 hingga 3.35: Sasaran dan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) disedia, diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.	KPI syarikat bagi tahun 2020 tidak disediakan. KPI tahun 2021 dan 2022 disediakan tetapi tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan dan dipantau.
Jawatankuasa Audit	MCCG 2021 Hasil Yang Disasarkan 9.0 dan Green Book perenggan 1.2.1: Jawatankuasa Audit (JKA) hendaklah ditubuhkan.	JKA yang bertanggungjawab menilai serta memberi syor terhadap kualiti kawalan dalam operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah tidak ditubuhkan.
Audit Dalam	MCCG 2021 amalan 11.1 panduan 11.1: Audit Dalam hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanannya proses pengurusan risiko, kawalan dalam, anti-korupsi, <i>whistleblowing</i> dan tadbir urus. Audit Dalam berperanan untuk menyarankan penambahbaikan kepada JKA dan Lembaga Pengarah berdasarkan kelemahan proses dalam yang telah dikenal pasti.	Audit Dalam tidak ditubuhkan di KUMHSB. Fungsi audit dalam dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman PMBK yang telah menjalankan tiga pengauditan dalam tempoh tahun 2020 hingga 2022. Laporan Audit tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga Penasihat PMBK.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas KUMHSB pada 17 dan 30 Julai 2023

Status ahli Lembaga Pengarah yang tidak bebas akan dibincangkan dalam Mesyuarat Sukuan PMBK. Walaupun JKA tidak ditubuhkan, sebarang laporan/penemuan audit yang diterima telah dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KUMHSB. Selain itu, KUMHSB juga akan membentangkan KPI bagi tahun 2023 kepada Lembaga Pengarah dalam mesyuarat yang akan datang.

Pendapat Audit	Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat KUMHSB adalah memuaskan kerana terdapat beberapa aspek yang perlu ditambah baik.
-----------------------	--

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan KUMHSB masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Pencapaian KPI bagi tahun 2021 dan 2022 adalah 77.8% dan 83.3%, manakala penilaian tidak dapat dibuat terhadap pencapaian KPI bagi tahun 2020 kerana KPI dan pencapaiannya tidak disediakan. Bagi pengurusan tapak pelupusan sis pepejal, hanya tiga tapak pelupusan yang diuruskan oleh KUMHSB berbanding sembilan jumlah keseluruhan tapak pelupusan yang perlu diuruskan kerana enam lagi tapak pelupusan masih belum diserahkan oleh PBT. Bagaimanapun, bilangan tapak pelupusan yang diuruskan KUMHSB telah bertambah daripada satu kepada tiga tapak pelupusan pada tahun 2022 yang berpotensi untuk meningkatkan pendapatan syarikat.

6.2. KUMHSB telah melaksanakan peranannya sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dalam pelaburan teknologi hijau dengan menarik pelabur bagi membangunkan Projek Solar Terapung di negeri Kelantan. Bagaimanapun, kelewatan dalam Fasa Pemasangan/Pembinaan Projek Solar Terapung telah memberi kesan kepada pendapatan KUMHSB. Kedudukan kewangan KUMHSB dalam tempoh yang dinilai adalah stabil dengan keuntungan terkumpul berjumlah RM609,505 pada akhir tahun 2022. Bagi aspek tadbir urus korporat KUMHSB, secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana perkara berkaitan komposisi Lembaga Pengarah; peranan Setiausaha Syarikat; penyediaan KPI; penubuhan Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam perlu ditambah baik.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan KUMHSB serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah KUMHSB perlu mengambil langkah proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan KUMHSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. memastikan pelaksanaan dan pencapaian KPI dibentang serta dipantau oleh Lembaga Pengarah;
- 7.2. memastikan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan dan SOP berkaitan dipatuhi sepenuhnya;
- 7.3. menyegerakan proses untuk memuktamadkan perjanjian usaha sama Projek Solar Terapung dan perjanjian CSR bagi menjaga kepentingan syarikat;
- 7.4. memastikan polisi dalaman berkaitan CSR disediakan dan dilaksanakan supaya perbelanjaan dibuat selaras dengan sumbangan yang diterima bagi tujuan tanggungjawab sosial korporat; dan
- 7.5. meningkatkan tadbir urus syarikat berkaitan dengan aspek peranan Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; SOP; Jawatankuasa Audit; dan Audit Dalam selaras dengan Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan amalan terbaik.